



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA  
BAHAGIAN RISIKAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PERTAHANAN

Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-40130078  
Laman Web: [www.mafhq.mil.my](http://www.mafhq.mil.my)

---

**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR**

**15 November 2024**

*(Dikeluarkan pada jam 8.45 malam)*

**INSIDEN PERSELISIHAN FAHAM ANTARA  
FASILITATOR JEMPUTAN DENGAN PEGAWAI KAUNSELING ANGKATAN  
TENTERA MALAYSIA (ATM)**

1. ATM mengesahkan bahawa satu insiden perselisihan faham antara dua individu telah berlaku pada 8 Nov 24 (Jumaat) jam 4.20 petang di Dewan Tun Tempur, Akademi Latihan Ketenteraan (ALK), Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur. Insiden yang tular di media sosial itu melibatkan seorang Pegawai Kaunseling ATM dengan seorang Fasilitator Jemputan yang merupakan Pesara ATM. Fasilitator Jemputan tersebut diundang oleh Cawangan Tenaga Kerja, Bahagian Perkhidmatan Anggota, Markas ATM (BPA-CTK) bagi menjayakan Sesi Ceramah Motivasi dan Perkongsian Pengalaman bersama Pegawai Kadet ALK Pengambilan Tahun 2024 yang baru menyertai bidang ketenteraan.
2. Insiden berlaku ketika Sesi Ujian Psikologi dan Kesihatan Mental sedang dilaksanakan terhadap kumpulan Pegawai Kadet ALK Pengambilan Tahun 2024 yang dikendalikan oleh Pegawai Kaunseling ATM terbabit. Pada ketika itu telah berlaku gangguan teknikal pada sistem ujian atas talian yang tidak disengajakan menyebabkan sesi ujian itu berlanjutan sehingga melebihi masa yang ditetapkan. Maklumat kelewatan ini telah disampaikan kepada Fasilitator Jemputan terbabit secara lisan oleh Pegawai Koordinasi daripada BPA-CTK di dewan tersebut.
3. Namun setelah hampir 20 minit menunggu, Fasilitator Jemputan tersebut telah menghampiri sendiri Pegawai Kaunseling ATM itu bagi mendapatkan penjelasan lanjut kerana Sesi Ceramah Motivasi dan Perkongsian Pengalaman telah tertangguh dan tidak dapat dimulakan oleh beliau mengikut masa yang ditetapkan. Ini kerana beliau khawatir tidak dapat menghabiskan sesi ceramah tersebut kerana perlu bergegas ke lokasi lain bagi menghadiri satu majlis selepas sesi ceramah itu. Susulan itu, telah berlaku insiden pertengkaran dan perselisihan faham antara Pegawai Kaunseling ATM dengan Fasilitator Jemputan berkenaan yang kemudiannya dileraikan oleh Pegawai Koordinasi dari BPA-CTK. Berlanjutan itu, kedua-dua mereka telah bertindak membuat Laporan Polis secara berasingan.



4. ATM menegaskan bahawa, insiden ini adalah satu insiden perselisihan faham yang seharusnya boleh dielakkan oleh kedua-dua individu terbabit. Sehubungan itu, ATM telah mengambil langkah mengharmonikan semula keadaan dengan mengaturkan pertemuan kedua-dua individu terbabit. Atas dasar semangat kekitaan dan setiakawan warga dan pesara ATM yang sentiasa meletakkan ATM sebagai lambang penyatuan, sesi pertemuan tersebut berakhir dengan penuh kemaafaan dan kedua-dua individu terbabit bersetuju menarik semula Laporan Polis yang telah dibuat sebelum ini.

5. ATM ingin memaklumkan bahawa isu ini telah diselesaikan dengan berhemah. Justeru, ATM menyeru supaya semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi buruk terhadap insiden yang berlaku ini.

-TAMAT-

***“ANGKATAN MASA HADAPAN, BENTENG PERTAHANAN NEGARA”***

